Utusan Borneo: 31 Oktober 2026

Penganggur dipenjara kerana miliki, salah guna dadah

MIRI: Seorang pengganggur dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan oleh Mahkamah Majistret semalam kerana kesalahan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali selepas tertuduh, Muhammad Azarul Asyraf Yusof, 32, dari Kampung Gunda, Batu 15 Jalan Kuching-Serian, Kuching mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.60 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung di dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 4.54 petang, 13 Julai lalu di sebuah rumah sewa di Jalan Sim Song Chay, Taman Gilbert di sini.

Di mahkamah sama, Muhammad Azarul turut dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan dua tahun pengawasan polis selepas mengaku bersalah terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mengikut fakta kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952, dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9.50 pagi, 14 Julai lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (1)(a) ABD 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Bagi kesalahan pertama tertuduh dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan, manakala bagi kesalahan kedua, dia dipenjara lapan bulan dan kedua-dua hukuman dikuatkuasakan dari tarikh tangkapan pada 13 Julai lalu.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Farhan Mohd Pauzi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.